

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5 APRIL 2015

Terima hakikat Malaysia negara berbilang kaum

Jangan main sentimen perkauman - Dr. Mahathir

Um - 5/4/2015

MUZDALIFAH MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ CYBERJAYA 4 APRIL

MASYARAKAT harus menerima hakikat yang Malaysia akan terus kekal sebagai sebuah negara berbilang kaum, justeru semua pihak perlu berhenti memainkan sentimen perkauman.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan sesetengah pihak menyokong usaha mereka yang memainkan sentimen perkauman akan hanya membawa negara berpatah balik ke zaman sebelum kemerdekaan.

"Formula untuk Malaysia terus berjaya adalah berkongsi. Saya akui ada yang tidak berpuas hati apabila terpaksa berkongsi. Kaum Cina perlu akui orang Melayu adalah majoriti dan kaum India adalah golongan minoriti, namun setiap kaum ada kebolehan masing-masing.


"Contoh paling mudah, dalam sebuah pejabat, gaji seorang bos sudah tentu besar daripada tukang cuci pejabat, tidak mungkin gaji mereka sama. Tetapi pengurusan masih berjalan lancar. Begitu juga dengan Malaysia. Paling mustahak, kekalkan semangat perkongsian yang terpakai sejak dahulu lagi," katanya.

Beliau berucap dalam forum 'Apa Yang Remaja Perlu Tahu' anjuran Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC), di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, pihak-pihak yang sengaja mencetuskan isu perkauman adalah kumpulan yang hanya suka berpolitik tanpa memikirkan implikasinya.

Beliau menegaskan, dengan hanya lima tahun lagi negara mencapai status negara maju, isu utama yang perlu diberi perhatian adalah mendekatkan jurang antara golongan miskin dan kaya.

Jelas beliau, jurang antara kedua-dua golongan itu perlu ditangani segera dan salah satu daripada langkah yang boleh diambil



DR. MAHATHIR MOHAMAD ditemani isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali meluangkan masa bergambar bersama peserta forum 'Apa Yang Remaja Perlu Tahu' anjuran Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) di Cyberjaya, semalam. - BERNAMA

adalah dengan mengelakkan konflik perkauman.

"Masyarakat perlu akui, orang Melayu kurang pakar dalam per-

niagaan dan yang mendominasi adalah kaum Cina. Orang Melayu hebat dalam industri pertanian. Ini yang saya sering tekankan, kongsi.

Dengan berkongsi, kek ekonomi kita akan menjadi lebih besar, sekali gus dapat merapatkan jurang kemiskinan," katanya.